



15 Februari 2017  
15 February 2017  
P.U. (A) 52

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) 2017

#### *INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2017*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) 2017**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017.

**Pengeccualian**

2. (1) Menteri mengeccualikan suatu institusi atau organisasi keagamaan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

(a) daripada pembayaran cukai berkenaan dengan pendapatan kasar yang diperoleh daripada semua sumber; dan

(b) daripada mengemukakan penyata di bawah seksyen 77 Akta.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “institusi atau organisasi keagamaan” ertinya suatu institusi atau organisasi keagamaan—

(a) yang ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi maksud ibadat keagamaan atau pemajuan agama dan tidak dikendalikan atau dijalankan terutamanya bagi keuntungan; dan

(b) yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia institusi atau organisasi itu.